

03/07/2003

Ahli berakhlak mulia jamin keteguhan Umno

Emecem

SAYA baru selesai mentelaah kandungan kertas kerja Seminar Shah Waliyullah

Al- Dahlawi - Sumbangannya Terhadap Perkembangan Pemikiran Di Nusantara, anjuran Kuliyyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, baru-baru ini.

Saya juga mengikuti dengan serius ucapan dalam Perhimpunan Agung Umno ke-54 yang baru berakhir 21 Jun lalu.

Daripada pengamatan dan analisis terhadap intipati kandungan dan pengisian dalam kedua-dua majlis di atas, ia mempunyai kaitan rapat dan tepat untuk parti yang memerintah hari ini menuju ke era yang lebih cemerlang.

Saya begitu tertarik dengan ucapan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir

Mohamad dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ucapan mereka yang turut diselitkan dengan petikan ayat al-Quran dapat dirumuskan banyak memberi penekanan kepada aspek perpaduan ahli dalam parti, menghapuskan budaya dengki, musuh dalam selimut dan menegakkan keadilan. Ia banyak membawa aspek positif yang boleh membawa kepada keunggulan dan keutuhan Umno.

Yang lebih menarik perhatian saya ialah Dr Mahathir kerap menekankan supaya ahli Umno bersabar dan tidak rakus dalam mengejar pangkat serta kekayaan.

Sebaliknya, ahli Umno perlu bekerja bersungguh-sungguh, berjuang secara ikhlas dan berserah kepada ketentuan Allah.

Apa yang dapat saya kaitkan di sini dari aspek yang ditekankan oleh kedua-dua pemimpin itu ialah ia amat jitu, padu dan dirangkumi sebagai sebuah akhlak yang menjadi amalannya dan patut diamal oleh setiap ahli Umno yang ingin meneruskan kesinambungan kecemerlangan parti.

Inilah akhlak tulen yang dihuraikan oleh Mujaddid Ulung Imam Shah Waliyullah Al-Dahlawi menerusi kitab ternama, Hujjatullah Al Baalighah.

Akhlak tulen terbahagi kepada empat perkara utama:

- * Thaharah - suci dan bersih.
- * Ikhbat - patuh kepada Tuhan/kebenaran.
- * Samahah - tolak ansur/sabar/bermaafan.
- * Adalah - adil.

Akhlak tulen inilah yang akan memecahkan hijab atau dinding/halangan untuk seseorang itu menjadi insan sempurna yang dapat mengamalkan fardu ain dan fardu kifayah pada tahap keberkesanan tinggi.

Pada waktu ini insan terbabit memiliki nafsu kelmalaikatannya (malakiah)

yang mengatasi nafsu kehaiwanannya (bahimiah).

Oleh demikian, sekiranya setiap ahli Umno tidak kira di mana-mana peringkat memiliki/mengamalkan akhlak tulen ini secara konsisten dan menyeluruh, insya-Allah segala saranan serta harapan Presiden parti dan timbalannya serta segala janji perwakilan (yang berjanji dengan begitu bersemangat sekali) akan terlaksana dan dipenuhi pada masa seterusnya.

Setiap ahli Umno hendaklah mendalami Falsafah Pengajaran Islam Tariq

Shah Waliyullah Al-Dahlawi kerana ia amat relevan dan pentingnya dalam konteks pentadbiran Malaysia hari ini.

EMECEM,
Kelantan.